



PRODUCT DISCLOSURE SHEET
 (Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up ANNIVERSARY PA. Be sure to also read the general terms and conditions.

AIA General Berhad
ANNIVERSARY PA

Date: 1st September 2018

1. What is this product about?

ANNIVERSARY PA is a protection policy which provides compensation for you in the event of injury, disability or death caused solely by accidental means. This plan also covers death due to Dengue viral fever.

2. What are the covers/benefits provided?

This policy covers:

Benefits	Amount of Cover (RM)					
	Plan 300	Plan 500	Plan 1000	Plan 2000	Plan 3000	Plan 5000
Accidental Death and Dismemberment Benefit	300,000	500,000	1,000,000	2,000,000	3,000,000	5,000,000
Medical Reimbursement Benefit	4,000	5,000	10,000	10,000	10,000	10,000
Accident Hospital Benefit	150	150	300	300	300	300
Death Due to Dengue Viral Fever Benefit	60,000	100,000	200,000	400,000	600,000	1,000,000

Please refer to the Schedule of Indemnities for accidental death and dismemberment benefit in the policy contract.

Duration of cover is for one year. You need to renew your insurance cover annually.

3. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the underwriting requirements. Extra premiums may be added to the standard premiums if the presented risk is higher than the standard risk. We reserved the right to change the premium at the time of renewal.

Premium Mode*	Plan 300 (RM)	Plan 500 (RM)	Plan 1000 (RM)	Plan 2000 (RM)	Plan 3000 (RM)	Plan 5000 (RM)
Annual						
Class 1 - 2	340.26	522.58	1,045.16	1,893.16	2,741.16	4,437.16
Class 3 - 4	572.40	873.44	1,746.88	-	-	-
Semi Annual						
Class 1 - 2	173.53	266.52	533.03	965.51	1,397.99	2,262.95
Class 3 - 4	291.92	445.45	890.91	-	-	-
Quarterly						
Class 1 - 2	91.87	141.10	282.19	511.15	740.11	1,198.03
Class 3 - 4	154.55	235.83	471.66	-	-	-
Monthly						
Class 1 - 2	28.93	44.42	88.84	160.92	233.00	377.16
Class 3 - 4	48.65	74.24	148.48	-	-	-

* The premium amount payable is inclusive of the applicable tax imposed by the Government of Malaysia at the prevailing rate.

4. What are the fees and charges that I have to pay?

Type	Amount
Direct Distribution Cost paid to the insurance agent/ agency leader/ intermediary	24% of premiums paid or RM24 for every RM100 premium paid as the commission and overriding commission.
Stamp Duty	RM10.00
Applicable Government Tax	6% of premiums paid or RM6.00 for every RM100 premium paid.

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- Duty of Disclosure – Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal/ Application Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal/Application Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal/Application Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

- A grace period of thirty-one (31) days from the premium due date shall be allowed for payment of each premium after the first premium during which period the policy shall remain in force. Provided that, if a loss occurs within the grace period, any unpaid balance of the premiums due for the full policy year in which a loss occurs shall be deducted from the proceeds payable under the policy.
- Eligibility - entry age for insured is from age 16 to 70 years and renewal is up to age 75 years. Malaysians (occupation Class 1 to 4) or foreign residents/foreign nationals (occupation Class 1 & 2 with valid work permit) are eligible to apply. You should satisfy yourself that this plan will best serve your needs and that the premium payable under the policy is an amount you can afford.
- Change of Occupation - you must notify us in writing if you change your occupation. We will then review your new occupation to determine, for insurance purposes, whether it is still within the insurable occupation classes for this plan.
- How do I make a claim? - you need to complete the claim form, which you can obtain from your agent/intermediary or any AIA Branch or by calling the AIA Care Line at 1 300 88 1899. A list of AIA branches is available at www.aia.com.my. You must provide us with the written notice of a claim in respect of an injury within 30 days of the accident causing your injury. In the event of death, immediate notice of claim must be given to us. For death due to dengue viral fever, proof of claim to be submitted to us shall include medical reports of dengue-specific tests, serology (Ign Elisa test for Dengue antibodies) and death certificate.

For a claim in respect of injury, proof of claim will include medical reports, police report and medical/treatment bills related to the claim. In the event of an accidental death claim, proof of claim would include hospital certificate, documents on medical treatment or examination, police report, post-mortem report and death certificate or newspaper cuttings. Proof of identity of the person making the claim must also be submitted.

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the terms and conditions of this plan.

6. What are the major exclusions under this policy?

- Pre-existing conditions
- Bacterial infections
- Any kind of disease or sickness or congenital defects
- Medical or surgical treatment (except those necessitated by injuries covered by this plan)
- Suicide or intentional self-injury
- Childbirth, pregnancy or miscarriage

- Professional sports
- AIDS
- Mental or nervous disorders; use of drugs/narcotics of any kind
- Racing of any kind

Note :

The list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full exclusions under this plan.

7. Can I cancel my policy?

You may cancel your policy by giving written notice to us. Upon cancellation, you will be entitled to a refund of premium based on the Short Rate Cancellation Table. (Please refer to the policy contract for the Short Rate Cancellation Table.)

8. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?

It is important that you inform us of any change in your life profile including your occupation and personal pursuits which would affect the risk profile.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about personal accident insurance, please refer to the *insuranceinfo* booklet on "Personal Accident Insurance", available at all our branches or you can obtain a copy from the insurance agent or visit www.insuranceinfo.com.my.

If you have any enquiries, please contact us at:

AIA General Berhad (924363-W)

Menara AIA,

99 Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 88 1899

Fax: 03 – 2056 2591

E-mail: MY.GI-Ops@aia.com

10. Other similar types of cover available

Please contact us/ your agent/ intermediary for other similar types of plans that we offer.

IMPORTANT NOTE:

YOU ARE ADVISED TO NOTE THE SCHEDULE OF INDEMNITIES FOR ACCIDENTAL DEATH AND DISABLEMENT BENEFIT IN YOUR INSURANCE POLICY. YOU MUST NOMINATE A NOMINEE AND ENSURE THAT YOUR NOMINEE IS AWARE OF THE PERSONAL ACCIDENT POLICY THAT YOU HAVE PURCHASED. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT/INTERMEDIARY OR CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

THIS PRODUCT DISCLOSURE SHEET CONTAINS A SUMMARY OF THE PRODUCT AND IS NOT A CONTRACT OF INSURANCE. THE POLICY CONTRACT SHALL PREVAIL OVER THIS DOCUMENT.

The information provided in this product disclosure sheet is valid as at 1st September 2018.

PT0810260



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil ANNIVERSARY PA. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

AIA General Berhad

ANNIVERSARY PA

Tarikh: 1 September 2018

1. Produk apakah ini?

ANNIVERSARY PA adalah polisi perlindungan yang menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan. Pelan ini juga meliputi kematian akibat jangkitan virus demam Denggi.

2. Apakah perlindungan / faedah yang disediakan?

Polisi ini menyediakan:

Faedah	Amaun Perlindungan (RM)					
	Pelan 300	Pelan 500	Pelan 1000	Pelan 2000	Pelan 3000	Pelan 5000
Faedah Kematian dan Pengudungan Akibat Kemalangan	300,000	500,000	1,000,000	2,000,000	3,000,000	5,000,000
Faedah Pembayaran Balik Perubatan	4,000	5,000	10,000	10,000	10,000	10,000
Faedah Kemalangan Hospital	150	150	300	300	300	300
Faedah Kematian Akibat Jangkitan Virus Demam Denggi	60,000	100,000	200,000	200,000	400,000	1,000,000

Sila rujuk kepada Jadual Tangung Rugi bagi faedah kematian dan pengudungan akibat kemalangan dalam kontrak polisi.

Tempoh perlindungan ialah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar boleh berubah-ubah bergantung kepada keperluan penajajaminan. Premium ekstra mungkin ditambah kepada premium standard sekiranya risiko yang dikemukakan adalah lebih tinggi daripada risiko standard. Kami berhak mengubah premium yang dikenakan pada masa pembaharuan.

Mod Premium*	Pelan 300 (RM)	Pelan 500 (RM)	Pelan 1000 (RM)	Pelan 2000 (RM)	Pelan 3000 (RM)	Pelan 5000 (RM)
Tahunan						
Kelas 1 - 2	340.26	522.58	1,045.16	1,893.16	2,741.16	4,437.16
Kelas 3 - 4	572.40	873.44	1,746.88	-	-	-
Setengah Tahunan						
Kelas 1 - 2	173.53	266.52	533.03	965.51	1,397.99	2,262.95
Kelas 3 - 4	291.92	445.45	890.91	-	-	-
Suku Tahunan						
Kelas 1 - 2	91.87	141.10	282.19	511.15	740.11	1,198.03
Kelas 3 - 4	154.55	235.83	471.66	-	-	-
Bulanan						
Kelas 1 - 2	28.93	44.42	88.84	160.92	233.00	377.16
Kelas 3 - 4	48.65	74.24	148.48	-	-	-

* Premium yang dibayar adalah termasuk cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya kena bayar?

Jenis	Amaun
Kos Pengedaran Langsung yang dibayar kepada insurans ejen / pemimpin agensi/ perantara	24% daripada premium yang dibayar atau RM24 bagi setiap RM100 premium yang dibayar sebagai komisen dan komisen kelola.
Duti Setem	RM10.00.
Cukai Kerajaan Yang Berkenaan	6% daripada premium yang dibayar atau RM6.00 bagi setiap RM100 premium.

5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kewajipan Pendedahan – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Pemohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

- Tempoh ihsan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh genap tempoh premium akan dibenarkan bagi bayaran untuk setiap premium selepas premium pertama di mana dalam tempoh ini polisi akan terus berkuat kuasa. Dengan syarat, jika kerugian berlaku dalam tempoh ihsan, maka sebarang baki premium yang genap tempoh belum dibayar bagi tahun polisi penuh di mana kerugian itu berlaku akan ditolak daripada prosid insurans yang dibayar di bawah polisi ini.
- Kelayakan – umur penyertaan bagi insured adalah dari umur 16 ke 70 tahun dan pembaharuan adalah sehingga umur 75 tahun. Rakyat Malaysia (Pekerjaan Kelas 1 hingga 4) atau penduduk asing/warga asing (Pekerjaan Kelas 1 & 2 dengan permit kerja yang sah) layak memohon. Anda hendaklah memastikan bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan bahawa premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini adalah jumlah yang anda mampu.
- Pertukaran Pekerjaan - anda perlu memaklumkan kami secara bertulis jika anda bertukar pekerjaan. Kami akan mengkaji semula pekerjaan baru anda untuk menentukan, bagi tujuan insurans, sama ada ia masih tergolong dalam kelas pekerjaan yang boleh diinsuranskan bagi pelan ini.
- Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan? - Anda perlu melengkapkan borang tuntutan yang boleh didapati daripada ejen anda/ perantara atau mana-mana cawangan AIA atau dengan menelefon AIA Care Line di 1 300 88 1899. Senarai cawangan AIA boleh didapati di www.aia.com.my. Anda mesti memberikan kami notis tuntutan bertulis mengenai sebarang kecederaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan anda. Jika berlaku kematian, notis segera mestilah diberikan kepada kami. Untuk kematian yang disebabkan oleh jangkitan virus demam denggi, bukti tuntutan yang perlu dikemukakan kepada kami perlu termasuk laporan-laporan pemeriksaan spesifik berkaitan-denggi, serology (Igm Elisa – pemeriksaan antibodi Denggi) dan sijil kematian. Bagi tuntutan berkaitan dengan kecederaan, bukti tuntutan termasuklah laporan perubatan, laporan polis dan bil perubatan/rawatan yang berkaitan dengan tuntutan itu. Bagi tuntutan kematian akibat kemalangan, bukti tuntutan termasuklah sijil hospital, dokumen mengenai rawatan atau pemeriksaan perubatan, laporan polis, laporan bedah siasat dan sijil kematian atau keratan akhbar. Bukti identiti orang yang membuat tuntutan itu juga mesti dikemukakan.

Nota:

Senarai ini adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian penting di dalam polisi ini?

- Keadaan.sebelum ini
- Jangkitan bakteria
- Sebarang jenis penyakit atau sakit atau kecacatan kongenital
- Rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali rawatan yang diperlukan akibat kecederaan yang dilindungi di bawah pelan ini)
- Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan
- Melahirkan anak, kehamilan atau keguguran
- Sukan professional
- AIDS
- Gangguan mental atau saraf; penggunaan sebarang jenis dadah/narkotik
- Sebarang jenis perlumbaan

Nota :

Senarai ini adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Apabila polisi anda dibatalkan, anda layak menerima pembayaran balik premium berdasarkan Jadual Pembatalan Kadar Jangka Pendek. (Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi Jadual Pembatalan Kadar Jangka Pendek)

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan / peribadi saya bertukar?

Adalah penting bagi anda memberitahu kami mengenai sebarang pertukaran kepada profil kehidupan anda termasuk pekerjaan dan kegiatan peribadi anda yang boleh mempengaruhi profil risiko.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku kecil "insuranceinfo" mengenai 'Insurans Kemalangan Diri' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen insurans anda atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIA General Berhad (924363-W)

Menara AIA,

99 Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur

Tel: 1 300 88 1899

Fax: 03 – 2056 2591

E-mail: MY.GI-Ops@aia.com

10. Perlindungan jenis lain yang serupa sedia ada

Sila hubungi kami / ejen anda / perantara untuk perlindungan jenis lain yang sama kami tawarkan.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA JADUAL TANGGUNG RUGI BAGI FAEDAH KEMATIAN DAN PENGUDUNGAN AKIBAT KEMALANGAN DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTILAH MENAMAKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA TAHU MENGENAI POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN/PERANTARA ATAU MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN SENTIASA DITERIMA PAKAI.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah setakat 1 September 2018.